

Kampung Sungai Buah seluas 3 kilometer persegi yang terletak 8.7 kilometer daripada UKM dan perjalanan ke sana mengambil masa 15 minit dengan menaiki kenderaan. Terdapat 120 biji rumah di kampung ini dan pola penempatan berselerak mengikut lot rumah. Komuniti kampung ini dibahagikan mengikut nama jalan seperti Jalan Durian 1, Jalan Durian 2, Jalan Durian 3 dan Jalan Durian 4. Namun, komuniti Jalan Durian 1 merupakan komuniti yang paling aktif di kampung ini. Hal ini kerana, komuniti kampung kebiasaannya akan mengadakan gotong-royong setiap dua minggu sekali dan sukan rakyat setahun sekali. Kampung ini terlibat secara aktif dalam pertandingan di antara kampung-kampung peringkat negeri Sepang namun tidak pernah memenangi sebarang tempat dalam pertandingan tersebut kerana tidak mempunyai infrastruktur sekolah rendah dan menengah.

Sejarah penubuhan kampung ini telah bermula sejak 20 tahun yang lalu sekitar tahun 1920. Walau bagaimanapun, tarikh yang tepat tidak dapat diketahui kerana kampung ini pada asalnya diteroka oleh pendatang dari Indonesia yang berketurunan Jawa, Badang dan Madura. Asal-usul atau penempatan pertama Kampung Sungai Buah dikatakan terletak berhampiran KLIA Seremban yang diteroka oleh pendatang dari Indonesia. Menurut Encik Rasid, asal usul pemberian nama Kampung Buah wujud apabila peneroka pertama iaitu Orang Maduria mudik ke Sungai kecil dan disepanjang penjalanannya terdapat banyak 'buah kepompong' yang terapung di sepanjang sungai. Buah tersebut dikatakan berbentuk bulat, bewarna hijau dan bersaiz seperti biji guli. Buah itu juga dikatakan beracun dan tangan akan gatal sekiranya dipegang.

Kini populasi penduduk kampung di Sungai Buah terdapat lebih kurang 1000 orang yang majoriti 90 peratus penduduknya berketurunan Jawa. Namun 100 peratus merupakan orang Melayu. Di kampung ini, tidak terdapat kaum Cina dan India, namun dalam daftar dan data pengundi terdapat dua orang Cina. Pada tahun 1970, wujud kampung orang asli di Sungai Buah. Hal ini demikian kerana, penempatan orang asli ini pada asalnya terletak di UKM, namun apabila ditubuhkan Fakulti Undang-Undang di UKM, penempatan mereka terpaksa dipindahkan ke kampung Sungai Buah.

Penduduk kampung di Sungai Buah kebiasaannya berkhidmat dalam sektor awam, sektor swasta seperti kerja kilang, bekerja sendiri seperti peniaga runcit, kedai bunga, dan melibatkan diri dalam aktiviti pertanian dan penternakan kambing dan lembu. Aktiviti pertanian yang dijalankan bukanlah secara komersial dan bukan juga secara sara diri, namun masih juga berlaku proses jual beli. Dalam bidang penternakan, penduduk kampung menternak lebih kurang 80 ekor kambing dan 100 ekor lembu.



[http://2.bp.blogspot.com/-PN2CQUWdmXE/ViyteZgGhuI/AAAAAAAAAEM/tpedTfxz6_g/s1600/IMG_20151001_151134.jpg]

~Ladang Kambing & Lembu~



[<http://1.bp.blogspot.com/-vXGXxCXg8Pc/ViytXLoiyXI/AAAAAAAAAEE/H-GJjeRp3XQ/s1600/farm.jpg>]

~Ladang Organik~

Kemudahan infrastruktur yang terdapat di kampung ini ialah jalan raya, klinik, masjid, surau, kedai runcit, sekolah rendah agama, gelanggang futsal dan balai raya iaitu tempat pengumpulan orang ramai. Selain itu terdapat juga, kemudahan asas lain yang disediakan seperti jaringan telekomunikasi. Di samping itu, di

kampung ini terdapat beberapa keistimewaan yang menjadi daya penarik orang ramai untuk berkunjung ke kampung ini. Salah satunya adalah Restoran Tasik Idaman atau lebih dikenali sebagai Restoran Terapung.



[http://4.bp.blogspot.com/-EVhGTR_pyok/ViywvLdfFeI/AAAAAAAAAEY/ECMrGoEl5mA/s1600/IMG_20151021_164158.jpg]

~Surau Al-Hidayah~



[<http://2.bp.blogspot.com/-M3avPPuzi0A/ViysPd8RGuI/AAAAAAAAAD0/7bng0hkq1Rg/s1600/terapung.jpg>]

~Restoran Terapung~



[[http://2.bp.blogspot.com/-cAJ5\]kAEzU/ViytMoMDSKI/AAAAAAAAAD4/alztVQ9qh-w/s1600/futsal.jpg](http://2.bp.blogspot.com/-cAJ5]kAEzU/ViytMoMDSKI/AAAAAAAAAD4/alztVQ9qh-w/s1600/futsal.jpg)]

~Gelanggang Futsal~

Posted 25th October 2015 by Unknown

1 View comments




FAIZAL HJ. ZAINAL November 14, 2018 at 6:11 AM

Salam, kalau di arkib Negara ada rekod nama Sungai Buah dah wujud sekitar 1892.

[Reply](#)

Enter your comment...

 Comment as: Syahrul Sazli S ▼

[Sign out](#)

[Publish](#) [Preview](#) [Notify me](#)